

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN : 276

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memastikan sistem komuter utara diperkenalkan sampai ke Ipoh dan singgah di Kuala Kangsar.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KTMB pada masa ini masih belum ada perancangan untuk menyediakan Perkhidmatan Komuter Utara hingga ke Ipoh. Ini adalah berikutan jumlah set tren elektrik sedia ada adalah amat terhad.

Namun begitu, cadangan ini boleh dipertimbangkan di masa hadapan sekiranya ada pertambahan jumlah set tren elektrik baharu bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik disediakan kepada rakyat khususnya kepada mereka yang tinggal di sebelah utara.

Dalam pada itu, KTMB telah menyediakan Perkhidmatan ETS bagi menampung keperluan rakyat sekitar Ipoh dan Kuala Kangsar. Setiap hari terdapat 20 perjalanan tren ETS yang berhenti di Stesen Ipoh dan Stesen Kuala Kangsar sebelum meneruskan perjalanan seterusnya ke utara/selatan.